

After five consecutive quarters of negative growth, the Malaysian economy rebounded in the second quarter of 1999 recording a 4.1% expansion. Indications are that the recovery process will continue to put the country's economy back on to its historical growth path.

The remarkable turnaround in the country's recovery was attributable to the strong leadership of the Malaysian Government and belief in formulating and implementing recovery strategies based on the nation's needs and requirements. Instead of adopting a tight budget and measures such as raising interest rates in the hopes of bolstering the exchange rate and reducing Government expenditure, the country implemented a counter cyclical fixed stimulus programme comprising of fixing the exchange rate, lowering the interest rates, simultaneously improving liquidity in the banking system and reinstating public sector spending in an effort to revive the domestic market. These actions, being implemented by various newly set-up agencies such as the National Economic Action Council, Danaharta, Danamodal, Corporate Debt Restructuring Committee amongst others have succeeded in turning the Malaysian economy around. In addition, the present economic recovery is further fueled by the strong demand for the country's exports. As a result, the economy is now leaner, more mature and more resilient in undertaking the new challenges ahead.

# LETTER FROM THE PRESIDENT

# PERUTUSAN DARI PRESIDEN

Setelah lima suku yang berturutan mencatatkan pertumbuhan negatif, ekonomi Malaysia telah melonjak kembali pada suku kedua 1999 dengan mencatatkan pertumbuhan 4.1%. Ini menunjukkan proses pemulihan akan berterusan dan meletakkan pertumbuhan ekonomi negara kembali seperti sebelumnya.

Perubahan yang luar biasa di dalam pemulihan semula ekonomi negara adalah disumbangkan oleh kepimpinan tegas Kerajaan Malaysia dan kebolehan dalam mencari rumusan dan melaksanakan strategi-strategi pemulihan berdasarkan kepada keperluan negara. Di sebalik mengawal ketat perbelanjaan dan mengambil langkah-langkah seperti menaikkan kadar faedah untuk mengukuhkan kadar pertukaran dan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, negara telah melaksanakan program rangsangan tindakbalas dengan menetapkan kadar pertukaran, menurunkan kadar faedah, yang seterusnya meningkatkan kadar kecairan di dalam sistem perbankan dan mengembalikan kuasa perbelanjaan sektor awam, dalam usahanya untuk menggerakkan pasaran domestik. Tindakan ini, telah dilaksanakan oleh beberapa agensi yang baru ditubuhkan seperti Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Danaharta, Danamodal, Jawatankuasa Penyusunan Hutang Korporat antara lain telah berjaya memulihkan ekonomi negara. Selain itu, pemulihan ekonomi kini dibantu oleh permintaan tinggi daripada eksport negara. Hasilnya, ekonomi negara kini kukuh, lebih matang dan bersedia untuk menempuh cabaran-cabaran baru.

Despite the positive economy wide scenario from the second quarter of 1999, the MRCB Group of companies continued to report a second consecutive year of losses. The reason for the Group's lacklustre performance is due to the fact that the country's positive economic growth arose from the impressive recovery of the agriculture, manufacturing and electronic sectors, and in terms of demand, from the external sector and from public expenditure, and these factors are not felt by the Group's core business, with the exception of power generation and financial services.

Nevertheless, the Group's perseverance, astute management and dedicated staff force has enabled it to weather the crisis and emerge as a more resilient entity, with strong fundamentals that will further sustain it in its quest for excellence and commitment to continually enhance the core values of its businesses.

With this, on behalf of the Board of Directors, it gives me great honour and pleasure to present the Financial Statements and Annual Report of the MRCB Group for the financial year ended 31 August 1999.

## FINANCIAL REVIEW

For the financial year ended 31 August 1999, the Group recorded a turnover of RM229.0 million as compared to RM680.4 million in the previous year. The lower turnover was principally due to the completion of construction works related to the Group's power projects in the previous reporting year and the reduced activities in the Group's property and construction sectors which are in tandem with the slow down and consolidation phase of the said sectors. Furthermore, the lower turnover was also due to the sale of the Group's former power plant operations and maintenance subsidiary, Teknik Janakuasa Sdn Bhd to Malakoff Berhad ("Malakoff"), MRCB's associate company in the previous financial year, resulting in no contribution in the current financial year.



The need to reflect a more realistic valuation of the Group's investments





Walaupun pertumbuhan ekonomi positif dalam suku kedua 1999, Kumpulan MRCB terus mencatatkan kerugian bagi tahun yang kedua. Punca prestasi yang tidak memberangsangkan bagi Kumpulan adalah disebabkan oleh perniagaan teras Kumpulan, kecuali sektor tenaga dan sektor perkhidmatan kewangan, tidak merasai pertumbuhan positif ekonomi seperti yang dialami oleh sektor pertanian, pembuatan dan elektronik dan juga dari segi permintaan, sektor luaran dan perbelanjaan awam.

Walau bagaimanapun, dengan kesungguhan Kumpulan dan pengurusan yang cekap serta kakitangan yang berdedikasi telah membolehkan Kumpulan mengatasi krisis ini untuk muncul sebagai entiti yang kental; dengan asas yang kukuh untuk terus bertahan di dalam usaha mencapai kecemerlangan dan komitmen untuk terus mempertingkatkan nilai perniagaan.

Dengan ini, bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Kewangan dan Laporan Tahunan Kumpulan MRCB bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1999.

## TINJAUAN KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1999, Kumpulan telah mencatatkan perolehan RM229.0 juta berbanding RM680.4 juta pada tahun sebelumnya. Perolehan yang rendah ini adalah berdasarkan kepada siapnya kerja-kerja pembinaan yang berkaitan dengan projek tenaga Kumpulan pada tahun lepas dan kurangnya aktiviti dalam sektor hartanah dan pembinaan Kumpulan sejajar dengan kelembapan dan berakhirnya fasa penggabungan sektor-sektor tersebut. Tambahan pula, perolehan yang menurun ini juga disebabkan oleh penjualan syarikat subsidiari yang menjalankan operasi dan khidmat penyelenggaraan kepada loji tenaga Kumpulan iaitu, Teknik Janakuasa Sdn Bhd kepada Malakoff Berhad ("Malakoff"), syarikat sekutu Kumpulan MRCB pada tahun kewangan sebelumnya, menyebabkan tiada sumbangan pada tahun ini.

in its associated companies by adopting a prudent provision in its accounting treatment, has resulted in the Group providing for diminution on the value of these investments by RM999.5 million. Consequently, the Group incurred a higher loss before taxation of RM1,406.8 million as compared to a loss before taxation of RM203.5 million in the previous year.

On a brighter note, the Group's associated companies contributed profits before taxation and exceptional items of RM89.7 million to the Group, a reversal of losses of RM36.1 million in the previous year. The Group's associated companies in the power sector i.e. Malakoff Group and Port Dickson Power Berhad ("PDP") continued to maintain credible profits. However, the associated companies in the media sector had a mixed performance mainly due to cut backs in advertising revenues. Though The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad ("NSTP") Group managed to command a reasonable profit, Sistem Televisyen Malaysia Berhad ("TV3") Group suffered losses. In the financial services sector, the various measures taken by Rashid Hussain Berhad ("RHB") Group in which MRCB has an interest of 22.7%, to improve operating efficiency in its banking and securities businesses had shown positive results and this has improved its performance this financial year.

Accordingly, the Group's shareholders funds was reduced to RM1,079.5 million as compared to RM2,505.9 million in the previous year.

## SIGNIFICANT EVENTS DURING THE YEAR

In late December 1998, MRCB Group participated in the Home Ownership Campaign, launched by the Prime Minister of Malaysia and organised by the Housing Developers Association of Malaysia ("HDAM") in collaboration with the Association of Banks Malaysia and Association of Finance Companies Malaysia. As part of the campaign the MRCB Group showcased its properties (completed or proposed) in the KL Sentral integrated development, the Seri Iskandar Township and the mixed development in Taman Kajang Utama. On 26 March 1999, Seri Iskandar Development Corporation Sdn Bhd ("SIDEC"), a joint venture company between Teras Cemara Sdn Bhd and Perak State Development Corporation participated in the Perak State Home Ownership Campaign which was launched by the Menteri Besar of Perak.

This year saw several major progresses in the power division. Firstly, Desa Kilat Sdn Bhd ("DKSB"), a subsidiary of Malakoff, signed a site acquisition agreement with TNB



Perlunya penilaian yang realistik terhadap pelaburan Kumpulan di dalam syarikat-syarikat bersekutu dengan mengambil langkah yang berhemat telah menyebabkan Kumpulan membuat peruntukan untuk kesusutan nilai dalam pelaburan-pelaburan tersebut sebanyak RM999.5 juta. Hasilnya, Kumpulan telah mencatatkan kerugian sebelum cukai yang lebih tinggi berjumlah RM1,406.8 juta berbanding dengan kerugian sebelum cukai berjumlah RM203.5 juta pada tahun sebelumnya.

Syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan telah menyumbang keuntungan sebelum cukai dan perkara-perkara terkecuali berjumlah RM89.7 juta kepada Kumpulan, bertentangan dengan kerugian berjumlah RM36.1 juta pada tahun lepas. Syarikat bersekutu Kumpulan bagi sektor tenaga iaitu Kumpulan Malakoff dan Port Dickson Power Berhad ("PDP") terus menyumbangkan keuntungan yang dibanggakan. Bagaimanapun, syarikat-syarikat bersekutu bagi sektor media menunjukkan prestasi bercampur-campur disebabkan oleh pengurangan hasil pengiklanan. Walaupun Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad ("NSTP") berupaya memperolehi keuntungan, Kumpulan Sistem Televisyen Malaysia Berhad ("TV3") pula telah mengalami kerugian. Di dalam sektor perkhidmatan kewangan pula, beberapa langkah telah diambil oleh Kumpulan Rashid Hussain Berhad ("RHB"), di dalam mana MRCB mempunyai kepentingan ekuiti 22.7%, untuk memperbaiki kecekapan operasi di dalam sektor perbankan dan juga perniagaan saham telah menunjukkan keputusan yang positif dan ini telah memperkukuhkan prestasinya pada tahun kewangan ini.

Sehubungan itu, dana pemegang saham Kumpulan telah berkurangan kepada RM1,079.5 juta berbanding RM2,505.9 juta pada tahun sebelumnya.

## PERISTIWA PENTING PADA TAHUN KEWANGAN

Pada penghujung Disember 1998, Kumpulan MRCB telah mengambil bahagian di dalam Kempen Pemilikan Rumah, yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia dan dianjurkan oleh Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia ("HDAM") dengan kerjasama Persatuan Bank-bank Malaysia dan Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia. Kumpulan MRCB di dalam kempen ini telah mempromosikan hartanahnya (sudah siap atau dalam perancangan) iaitu di pembangunan bersepadu KL Sentral, Bandar Seri Iskandar dan pembangunan bercampur di Taman Kajang Utama. Pada 26 Mac 1999, Seri Iskandar Development Corporation Sdn

Janamanjung Sdn Bhd ("TNBJ"), a wholly-owned subsidiary of Tenaga Nasional Berhad ("TNB"), in relation to TNBJ's sale of four parcels of land on the first reclaimed island (First Island) of DKSB's Lekir Islands Development Project. The island will be used to site TNB's proposed 2,100MW coal-fired power plant to be built, owned and operated by TNBJ. The remainder of the First Island, called LBT Parcel 2, was sold to Lekir Bulk Terminal Sdn Bhd ("LBT"), an associate company of Malakoff. The land will be used by LBT to construct, develop and operate a deep-water multi-user terminal, which will become the deepest water jetty for bulk handling in West Malaysia. Among others, LBT will operate the terminal to provide import handling and delivery services of fuel/coal to coalyard facilities owned by TNB Janamanjung Sdn Bhd. Subsequently, Wirazone Sdn Bhd ("Wirazone"), a wholly-owned subsidiary of Malakoff, signed a Bulk Power Supply Agreement with TNB on 8 July 1999, under which TNB has agreed to supply and deliver bulk supply of electricity on a continuous and secure basis to Wirazone, and in turn, Wirazone will re-sell the electricity on retail basis to customers in the KL Sentral development area at a tariff recognised by TNB and endorsed by Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas ("JBEG"), which will not exceed the prevailing TNB tariffs.

MRCB Multimedia Consortium Sdn Bhd, an associate company of MRCB, was awarded the Human Resources Management Information System ("HRMIS") contract worth RM99.8 million by the Malaysian Government. The HRMIS is one of the five pilot projects planned for the initial implementation flagship under the Multimedia Super Corridor ("MSC"). At the same venue, MRCB signed a joint venture agreement with the representatives from 17 local Information Technology based companies to form a consortium under the said MRCB Multimedia Consortium Sdn Bhd to undertake the HRMIS contract.

HIGHLIGHTS OF SIGNIFICANT EVENTS AFTER THE YEAR

MRCB Selborn Corporation Sdn Bhd, a subsidiary company of MRCB Group, signed a tenancy agreement with The Store (Shah Alam) Sdn Bhd, a subsidiary of The Store Corporation Berhad to allow The Store to operate a supermarket and departmental store outlet at Plaza Alam Sentral, Shah Alam. The Store which is one of the largest supermarket chains in the country will be



Bhd ("SIDEC"), sebuah syarikat usahasama di antara Teras Cemara Sdn Bhd dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak telah mengambil bahagian di dalam Kempen Pemilikan Rumah Perak yang telah dilancarkan oleh Menteri Besar Perak.

Tahun ini menyaksikan beberapa perubahan besar di dalam sektor tenaga. Pertamanya, Desa Kilat Sdn Bhd ("DKSB"), syarikat subsidiari Malakoff, telah menandatangani perjanjian pengambilalihan tapak dengan TNB Janamanjung Sdn Bhd ("TNBJ"), syarikat subsidiari milik penuh Tenaga Nasional Berhad ("TNB"), berhubung dengan penjualan empat bahagian tanah di pulau tebusguna pertama (Pulau Pertama), yang merupakan projek pembangunan Kepulauan Lekir. Pulau tersebut akan digunakan sebagai tapak cadangan loji tenaga arangbatu TNB berkuasa 2,100 MW yang akan dibina, dimiliki dan dijalankan oleh TNBJ. Bahagian selebihnya bagi Pulau Pertama yang dinamakan LBT Bahagian 2, telah dijual kepada Lekir Bulk Terminal Sdn Bhd ("LBT"), sebuah syarikat bersekutu Malakoff. Tanah tersebut akan digunakan oleh LBT untuk membina, membangun dan menjalankan operasi terminal pelbagai guna air dalam yang akan menjadi jeti air paling dalam untuk pengendalian pukal di Malaysia Barat. Antara lain, LBT akan mengendali terminal import dan perkhidmatan penghantaran minyak/arang batu ke limbungan arang batu yang dimiliki oleh TNB Janamanjung Sdn Bhd. Seterusnya, Wirazone Sdn Bhd ("Wirazone"), syarikat subsidiari milik penuh Malakoff, menandatangani Perjanjian Pembelian Tenaga Secara Pukal dengan TNB pada 8 Julai 1999, di mana TNB telah bersetuju untuk membekal dan menghantar bekalan elektrik pukal secara berterusan kepada Wirazone, dan seterusnya, Wirazone akan menjual semula elektrik secara runcit kepada pelanggan-pelanggan di pembangunan KL Sentral pada tarif yang diiktiraf oleh TNB dan disahkan oleh Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas ("JBEG"), yang tidak akan melebihi tarif yang dibenarkan oleh TNB.

MRCB Multimedia Consortium Sdn Bhd, syarikat bersekutu Kumpulan MRCB, telah dianugerahkan kontrak Pengurusan Sistem Maklumat Sumber Manusia ("HRMIS") bernilai RM99.8 juta oleh Kerajaan Malaysia. HRMIS adalah salah satu daripada lima projek perintis yang dirancang pelaksanaannya di bawah Koridor Raya Multimedia. Pada masa yang sama, MRCB telah menandatangani perjanjian usahasama dengan 17 syarikat Teknologi Maklumat tempatan bagi membentuk sebuah konsortium, dikenali dengan nama MRCB Multimedia Consortium Sdn Bhd untuk melaksanakan kontrak HRMIS.

the anchor tenant in Plaza Alam Sentral shopping centre, which is the biggest shopping centre in Shah Alam. With the steady build-up of tenants committing close to 60.0% of the total lettable area, Plaza Alam Sentral had a soft launch in December 1999.

Works on the prestigious development of KL Sentral has achieved a significant progress of more than 60.0% overall completion and the management is confident of completing it by the end of 2000.

In line of MRCB's rationalisation of its power sector, the Group entered into a conditional share sale and purchase agreement with Sime Darby Berhad and TNB for the disposal of 30.0% equity interest in Port Dickson Power Berhad ("PDP") and 49.99% equity interest in Janaurus PDP Sdn Bhd for a total cash consideration of RM204.0 million.

As a consequence of the above proposed sale of PDP, the Group decided not to proceed with its earlier plan to list PDP on the Main Board of the Kuala Lumpur Stock Exchange as an Infrastructure Project Company notwithstanding that approvals had already been obtained from the relevant authorities.

The MRCB Group of companies also participated in the second Home Ownership Campaign on 29 October 1999. In the campaign, MRCB showcased its properties from its group of companies namely, Kuala Lumpur Sentral Sdn Bhd ("KLSSB"), Kajang Utama Sdn Bhd ("KUSB"), Teras Cemara Sdn Bhd ("TCSB") and MRCB Selborn Corporation Sdn Bhd ("MSCSB"). The properties for sale ranged from medium cost to luxury units which included apartments, condominiums, terrace houses and shop offices.

On 19 November 1999, KLSSB achieved another significant milestone with the completion of its first office structure, Lembaga Tabung Haji Tower, a 14-storey office tower within the Sentral Plaza component of the Kuala Lumpur Sentral development. A topping up ceremony was held at the Kuala Lumpur Sentral project site to commemorate this historical event.

HUMAN RESOURCES

In spite of the challenges faced by the Group during the year, the Group's workforce had shown high level of commitment. The Group recognises the



**PERISTIWA PENTING BERIKUTAN TAHUN KEWANGAN**

MRCB Selborn Corporation Sdn Bhd, syarikat subsidiari Kumpulan MRCB, menandatangani perjanjian penyewaan dengan The Store (Shah Alam) Sdn Bhd, syarikat subsidiari The Store Corporation Berhad untuk membolehkan The Store mengendali sebuah pasaraya dan gedung serbaneka di Plaza Alam Sentral, Shah Alam. The Store merupakan salah satu daripada rangkaian pasaraya terbesar di negara ini akan menjadi penyewa utama di kompleks membeli-belah Plaza Alam Sentral, sebuah kompleks membeli-belah terbesar di Shah Alam. Dengan penyewaan yang semakin meningkat mencecah hampir 60.0% daripada jumlah ruang niaga, Plaza Alam Sentral telah mengadakan pelancaran pra-pembukaannya pada Disember 1999.

Kerja-kerja di pembangunan berprestij Kuala Lumpur Sentral pula telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dengan tahap 60.0% siap dan pihak pengurusan yakin akan dapat menyiapkannya pada akhir tahun 2000.

Sejajar dengan rancangan Kumpulan MRCB merasionalisasikan sektor tenaganya, Kumpulan telah menandatangani satu perjanjian jual beli bersyarat dengan Sime Darby Berhad dan TNB bagi pelupusan 30.0% kepentingan ekuiti di dalam Port Dickson Power Berhad ("PDP") dan 49.99% kepentingan ekuiti di dalam Janaurus PDP Sdn Bhd dengan pembayaran tunai berjumlah RM204.0 juta.

Lanjutan daripada cadangan penjualan PDP, Kumpulan telah mengambil keputusan untuk tidak meneruskan dengan perancangan awalnya untuk menyenaraikan PDP di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur sebagai sebuah Syarikat Projek Infrastruktur walaupun kelulusan telah diperolehi daripada pihak-pihak berkuasa.

Kumpulan MRCB juga telah mengambil bahagian di dalam Kempen Pemilikan Rumah kedua pada 29 Oktober 1999. Di dalam kempen berkenaan, Kumpulan MRCB telah mempamerkan hartanahnya yang terdiri daripada Kuala Lumpur Sentral Sdn Bhd ("KLSSB"), Kajang Utama Sdn Bhd ("KUSB"), Teras Cemara Sdn Bhd ("TCSB") dan MRCB Selborn Corporation Sdn Bhd ("MSCSB"). Hartanah yang dijual merangkumi hartanah yang berharga sederhana dan mewah termasuk apartmen, kondominium, rumah teres dan rumah kedai.

Pada 19 November 1999, KLSSB maju setapak lagi dengan

fact that the contribution of the workforce is crucial to its success during the past two difficult financial years.

With this in mind, the Group will continue to upgrade and strengthen its human resources through various development programmes. Towards this end, proper training is provided to enhance and upgrade staff skills in view of the more demanding environment in the next millennium. These programmes will definitely assist in ensuring long-term success for the Group.

I would like to thank all the staff of the Group for their loyalty and understanding in view of the cost cutting measures that were introduced during the past two years. They recognised the need for the change and development as well as accepting the measures as being necessary for the survival of businesses.

DIVIDENDS

As the Group's activities are undergoing a consolidation phase and given the need to conserve cashflow especially to further strengthen its businesses, the Board of Directors do not recommend the payment of dividend for this financial year ended 31 August 1999.

PROSPECTS

The past two years have indeed been challenging times for the Group. The various measures adopted by the Group to stay resilient and improve productivity during the past crisis will continue to be implemented. In addition, the Group is undergoing a consolidation and strengthening phase of its core businesses in order to meet the challenges of the rapidly changing business environment. The focus is for each to remain at the forefront of their respective sectors in the new millennium.

Upon completion, the Group believed that Kuala Lumpur Central Station ("KLCS") will be not just a railway station but a Virtual City Airport that will be part of the international transport system linking to the peoples of the world. Hence, KL Sentral is poised to be the showcase of the country's capabilities and excellence.

The potential for the Group is enormous. Its underlying assets with strong potential realisable value comprising human assets, experience and successful track record in completion of major projects such as TV3



siapnya struktur bangunan pejabat pertama, Menara Lembaga Tabung Haji, iaitu menara pejabat setinggi 14 tingkat di dalam komponen Plaza Sentral di pembangunan Kuala Lumpur Sentral. Bagi memperingati acara bersejarah ini, satu upacara penyudahan struktur bangunan tersebut telah diadakan di tapak projek Kuala Lumpur Sentral.

**SUMBER MANUSIA**

Di sebalik pelbagai cabaran yang dilalui oleh Kumpulan sepanjang tahun, tenaga kerja Kumpulan telah menunjukkan tahap komitmen yang tinggi. Kumpulan mengiktiraf bahawa sumbangan tenaga kerja adalah penting demi kejayaannya mengharungi tahun-tahun kewangan yang sukar.

Sehubungan itu, Kumpulan akan terus mempertingkat dan mengukuhkan sumber manusia melalui beberapa program pembangunan. Sehingga kini, latihan yang sewajarnya untuk meningkatkan kemahiran kakitangan disediakan bagi menghadapi suasana mencabar di alaf baru. Program-program ini sudah pastinya dapat membantu dalam menentukan kejayaan jangka panjang Kumpulan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Kumpulan di atas kesetiaan dan timbang rasa mereka terhadap langkah-langkah berjimat cermat yang telah diperkenalkan sepanjang dua tahun yang lalu. Mereka mengiktiraf perubahan ini dan menerima langkah-langkah tersebut sebagai penting bagi meneruskan perniagaan.

**DIVIDEN**

Memandangkan aktiviti-aktiviti Kumpulan berada pada fasa penggabungan dan perlunya dikekalkan aliran tunai bagi mengukuhkan perniagaannya, Lembaga Pengarah mengesyorkan tiada sebarang pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1999.

**PROSPEK**

Sesungguhnya dua tahun yang lalu merupakan satu cabaran hebat bagi Kumpulan. Beberapa langkah yang telah diambil oleh Kumpulan untuk terus stabil dan berproduktiviti tinggi semasa krisis ekonomi yang lalu, akan terus dilaksanakan. Tambahan pula, Kumpulan akan terus melalui fasa penggabungan dan pengukuhan bagi perniagaan terasnya untuk

being the first privatised TV station in the country and the Lumut Power Plant being the largest independent power plant in the country will position the Group to emerge stronger from the financial and economic crisis.

The Group is in good shape to move forward from here and barring unforeseen circumstances, the Group is optimistic of reporting a turnaround performance in the next financial year.

## APPRECIATION

On behalf of the Board, I would like to record our sincere appreciation and gratitude to our business partners, customers, financiers, government authorities and our shareholders for their continued support and confidence in the Group, particularly during this difficult economic period.

Our continued survival for the financial year would not have been possible without the faith of our clients, customers and business partners. We would like to record special thanks to them for their fortitude and understanding.

To our patient bankers and creditors, we thank you for your unwavering support and guidance. We would also like to take this opportunity to acknowledge the various government agencies and local authorities for all their assistance and support.

We would like to recognise the contribution of all our staff and thanked them for their invaluable service to the Group. Last, but certainly not least, our appreciation to all our shareholders and investors for standing by us through turbulent times.

Dato' Abdul Rahman Maidin
President



menghadapi cabaran-cabaran dalam suasana perniagaan yang sentiasa berubah. Tumpuan adalah untuk perniagaan teras Kumpulan berada di hadapan di alaf baru ini.

Kumpulan juga yakin bahawa Stesen Sentral Kuala Lumpur, apabila siap nanti, bukan sahaja merupakan stesen keretapi tetapi sebuah "Virtual City Airport" yang akan menjadi sebahagian dari sistem pengangkutan antarabangsa yang menghubungkan masyarakat dari seluruh pelusuk dunia. Justeru itu, Kuala Lumpur Sentral bersedia untuk menjadi lambang keupayaan dan kecemerlangan negara.

Potensi Kumpulan amatlah besar. Aset-aset sedia ada yang berpotensi kukuh terdiri daripada sumber manusia, pengalaman dan rekod kejayaan dalam menyiapkan beberapa projek besar seperti TV3 yang menjadi stesen televisyen swasta yang pertama negara dan Loji Janakuasa Lumut, sebuah loji janakuasa yang terbesar di negara, akan meletakkan Kumpulan ditahap yang lebih kukuh dalam menghadapi krisis kewangan dan ekonomi.

Kumpulan kini berada pada tahap yang kukuh untuk terus maju dan sekiranya tiada aral melintang, Kumpulan yakin untuk mencatatkan prestasi cemerlang pada tahun kewangan akan datang.

## PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan perniagaan, pelanggan, syarikat-syarikat kewangan, badan-badan kerajaan dan para pemegang saham di atas sokongan dan keyakinan mereka terhadap Kumpulan, terutamanya ketika keadaan ekonomi gawat.

Ketahanan perniagaan Kumpulan pada tahun kewangan ini tidak akan berlaku tanpa kepercayaan para pelanggan dan rakan-rakan perniagaan. Di sini kami ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kecekalan dan ketabahan mereka.

Kepada para jurubank dan pemiutang yang sabar, kami berterima kasih di atas sokongan dan tunjuk ajar anda semua yang berterusan. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menghargai agensi-agensi Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan di atas bantuan dan sokongan mereka.

Kami juga menghargai sumbangan semua kakitangan dan berterima kasih di atas khidmat mereka kepada Kumpulan. Akhir sekali, penghargaan kami kepada para pemegang saham dan pelabur yang menyokong Kumpulan pada waktu-waktu yang sukar.

**Dato' Abdul Rahman Maidin**
Presiden